

24/08/2002

RTM sedia pelbagai program sempena merdeka

Zul Husni Abdul Hamid

MENGHAYATI semangat kemerdekaan s empena ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-45, RTM meneruskan tradisi menyediakan pelbagai program bertemakan Fiesta Merdeka di TV1 dan Merdeka Rock & Race On 2 di TV2.

"Setiap kali sambutan kemerdekaan, RTM pasti menjadi tumpuan utama rakyat untuk mendengar keputusan Ucapan Hari kemerdekaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. RTM menerusi televisyen dan radio akan menyiarkan keputusan ini pada 30 Ogos jam 9 malam.

"Ia akan disambung siaran ke stesen media elektronik lain di mana kemuncak acara ialah perarakan di Dataran Merdeka secara langsung mulai jam 8 pagi," kata Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob pada sidang media di Angkasapuri, Khamis lalu.

Katanya, TV1 dan TV2 akan beroperasi 24 jam pada 31 Ogos ini. RTM turut membuat liputan perlumbaan kereta tanpa henti selama 12 jam - Merdeka Millenium Endurance Race, bermula jam 11.30 malam, 30 Ogos ini selama setengah jam sebelum disambung semula jam 2.30 pagi. Persembahan muzikal dan tarian disajikan dengan artis Nora, Kelvin Lau, Helen Velu, Stings dan Baji.

Menurut Khalil, RTM juga menyediakan rancangan menarik lain untuk mengimbas kembali sejarah perjuangan bangsa Malaysia sehingga negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

"Antaranya Laporan Khas - Cabaran Kemerdekaan menerusi Berita Perdana jam 8.30 malam. Laporan Khas 10 siri ini dengan masa siaran antara tiga hingga lima minit, sehingga 4 September ini.

"Kandungannya termasuk imbasan peristiwa penting sebelum merdeka serta cabaran yang dihadapi rakyat dan pemimpin. Antaranya perjuangan menentang komunis, darurat, pengisian kemerdekaan, penubuhan Malaysia, konfrontasi, tragedi 13 Mei, peristiwa Memali dan Al Maunah," katanya.

Fiesta Merdeka di TV1 dimulai Ambang Merdeka, pada 30 Ogos dengan detik tengah malam serta lintas langsung ke beberapa bandar utama. Ia turut memaparkan konsert serta temuramah bersama kenamaan dan tokoh politik.

Siaran istimewa jam 1 pagi dengan filem aksi, The Patriot lakonan Steven Seagal. Menyusul jam 9 malam, drama khas Langit Maghrib menerusi slot Panggung RTM. Bertemakan politik, ia mengisahkan seorang lelaki yang mendapat tahu musuh ketatnya selama ini juga adalah musuh utama negara. Langit Maghrib dijayakan Abu Bakar Omar, Mubarak Majid, Razali Buyung dan Angeline Tan.

Juga disenaraikan HMI - Keranamu Malaysia pada 1 September jam 9 malam, manakala TV2, selain Merdeka Millenium Endurance Race, juga menyenaraikan acara kemuncak Perarakan Hari Merdeka dari Dataran Merdeka serta di Sarikei dan Kudat. Cirque Du Soleil's Dralion, sebuah persembahan sarkas yang menggabungkan 56 artis dari lapan negara disiarkan jam 11 pagi.

Jam 9 malam, World Stunt Awards 2002 yang menghargai sumbangan pelakon lagak ngeri lelaki dan wanita yang mempertaruhkan nyawa melaksanakan aksi berbahaya. Antara penerima anugerah ini termasuk Arnold Schwarzeneger, Chuck Norris, Alec Baldwin dan John Woo.